




PERANCANGAN KEWANGAN NAQLI DANAQLI

SIRI 20

OLEH
PROF. MADYA
DR. NURADLI
RIDZWAN SHAH
MOHD DALI

Dalam siri lepas, saya telah membuka topik perbincangan mengenai pelaburan, dan apabila dikupas tentang pelaburan, perkataan risiko akan timbul. Ramai orang akan berfikir pelaburan adalah berisiko atau secara kebiasaannya akan berisiko. Adalah amat jarang untuk kita menemui sesuatu pelaburan yang langsung tidak berisiko. Jika ia benar-benar ada, sudah tentu kita tidak perlu bersusah payah untuk meneliti sama ada pelaburan itu akan memberikan keuntungan atau kerugian.



BOLEHKAH
SESUATU
PELABURAN
ITU
LANGSUNG
TIDAK
MEMPUNYAI
RISIKO MALAH
MEMBERIKAN
JAMINAN
PULANGAN?

Apabila sesuatu pelaburan itu tidak mempunyai risiko, adakah ia diterima oleh syariah? Bolehkah sesuatu pelaburan itu langsung tidak mempunyai risiko malah memberikan jaminan pulangan? Itu persoalan pokok yang perlu anda fikirkan.




Bagi memberikan gambaran dengan lebih jelas tentang pemilihan pelaburan, analogi mudah ialah apabila kita hendak membuat keputusan untuk membeli sesuatu komitmen yang agak besar atau panjang. Sebahagian besar daripada kita telah membeli kenderaan atau belum pernah membeli tetapi pernah melihat orang lain yang terdekat membeli kenderaan.

Berapa banyak kajian yang dilakukan apabila membeli sebuah kereta? Mereka meneliti jenama, bentuk yang berbeza, warna, ciri, ekonomi bahan bakar, dan lain-lain. Selepas menghabiskan banyak masa menapis apa yang dikehendaki, banyak masa juga akan diluahkan di laman sesawang jualan kereta atau majalah kereta untuk mencari "kereta yang baik dan sesuai mengikut ciri-ciri yang dikehendaki." Berapa banyak iklan kereta yang telah di telefon untuk mendapat maklumat lanjut? Berapa kali pula telah mencuba menguji pandu kereta yang diminati?

Ya, sudah tentu ramai akan membuat banyak kajian tentang kereta yang akan dibelinya. Ia melibatkan banyak kerja! Kebanyakan orang akan melakukan

kajian dan penelitian kerana mereka mahu kereta yang baik dan sempurna yang akan dapat digunakan untuk sesuatu jangka yang agak lama. Sudah tentu kita tidak mahukan kereta yang dibeli itu tidak berfungsi dengan baik yang kesudahannya kita lebih banyak menolak kereta daripada memandu kereta.

Hal yang sama berlaku saat ingin melabur. Kita memiliki banyak pilihan seperti pelaburan dalam saham, dana amanah, Amanah Saham Bumiputera (ASB), dan lainnya. Kita secara amnya



SEORANG KHASUSNYA RISIKO INI MERUPAKAN KEBARANGKALTAN KITA MENGALAMI KERUGIAN YANG AKAN MENYEBABKAN PELABURAN KITA MENYUSUT DARIPADA SEGI MODAL.



PALING PENTING, KITA PERLU MENCUBA PELABURAN DENGAN JUMLAH KECIL, TERLEBIH DAHULU SEBELUM MELABUR SEBAHAGIAN BESAR MODAL DALAM PELABURAN TERSEBUT.

perlu melihat kepada asas analisis *fundamental* dan teknikal untuk memastikan pelaburan akan memberikan pulangan yang seperti diharapkan. Apabila kita melihat kepada pulangan, secara automatik ia akan melibatkan kepada risiko. Secara khususnya risiko ini merupakan kebarangkalian kita mengalami kerugian yang akan menyebabkan pelaburan kita menyusut daripada segi modal.


Untuk mengurangi risiko pelaburan, pendidikan adalah kuncinya. Kita perlu mendapatkan pengetahuan dan nasihat daripada mentor, melakukan analisa penyelidikan, dan membaca buku tentang pelaburan. Paling penting, kita perlu mencuba pelaburan dengan jumlah kecil terlebih dahulu sebelum melabur sebahagian besar modal dalam pelaburan tersebut. Apa yang penting adalah benar-benar mempelajari apa yang membuat suatu pelaburan baik atau buruk.

Risiko sistemik dan risiko tidak sistemik adalah dua konsep yang terkait dengan risiko dalam pelaburan. Berikut adalah perbezaan antara risiko sistemik dan risiko tidak sistemik:

Risiko Sistemik:

- Risiko sistemik berkaitan dengan keseluruhan sistem kewangan atau pasar secara keseluruhan.
- Risiko ini bersifat global dan dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran yang mempengaruhi hampir semua pelaburan dalam pasaran.
- Ia tidak dapat dielakkan melalui diversifikasi portfolio kerana ia berkaitan dengan keadaan ekonomi secara keseluruhan.
- Contoh risiko sistemik termasuk krisis kewangan global, kejatuhan pasaran yang meluas, atau perubahan dasar kewangan yang mempengaruhi semua jenis pelaburan.

UNTUK M
PENTING
PERLU M
NASIHAT
ANALISIS



UNTUK MENGURANGI RISIKO PELABURAN, PENDIDIKAN ADALAH KUNCI. KITA PERLU MENDAPATKAN PENGETAHUAN DAN NASIHAT DARIPADA MENTOR, MELAKUKAN ANALISA PENYELIDIKAN, DAN MEMBAWA BUKU TENTANG PELABURAN.

Risiko Tidak Sistemik:

- Risiko tidak sistemik adalah risiko yang berkaitan dengan syarikat, industri, atau faktor-faktor spesifik kepada aset pelaburan tertentu.
- Risiko ini bersifat khusus dan terhad kepada entiti atau faktor-faktor yang berkaitan dengan pelaburan individu.
- Ia boleh dikurangkan melalui diversifikasi portfolio dengan melabur dalam pelbagai aset yang berbeza dan berkaitan.
- Contoh risiko tidak sistemik termasuk risiko perniagaan spesifik kepada syarikat, risiko pengurusan, risiko industri, atau risiko kredit dalam pelaburan bon individu.

Perbezaan penting antara risiko sistemik dan risiko tidak sistemik adalah ruang lingkup dan sifatnya. Risiko sistemik melibatkan keseluruhan sistem kewangan atau pasaran, sementara risiko tidak sistemik adalah spesifik kepada entiti atau faktor-faktor yang berkaitan dengan pelaburan individu. Risiko sistemik cenderung bersifat global dan tidak dapat dielakkan dengan

diversifikasi portfolio, manakala risiko tidak sistemik boleh dikurangkan melalui diversifikasi yang bijaksana.

Di sini kita boleh meletakkan nisbah pulangan atas risiko sebelum kita mahu membuat pelaburan. Sebagai contoh, jika kita berpeluang untuk mendapat keuntungan sebanyak 10 peratus dan kerugian sebanyak lima peratus, maka di sini nisbahnya pulangan atas risiko adalah sebanyak 2:1. Semakin tinggi nisbah ini adalah semakin baik pelaburan tersebut. Secara mudahnya, setiap ringgit yang kita laburkan mempunyai satu risiko dan memberikan dua pulangan. Justeru itu kita perlu meminimumkan risiko dan memaksimumkan potensi keuntungan. Ini memerlukan ilmu pelaburan dan juga ilmu pengurusan kewangan dalam pelaburan.

Dalam konteks pelaburan saham pada ketika ini, banyak saham yang telah mengalami kejatuhan agak besar disebabkan oleh faktor ekonomi global dan dalaman. Harga-harga saham tersebut memang dalam keadaan yang amat murah berbanding beberapa tahun yang lepas. Persoalannya, adakah ia akan memberikan pulangan dan bagaimanakah kita boleh meminimumkan risiko yang perlu kita hadapi. Kita tidak mahu membeli saham yang sudah murah tetapi berkemungkinan akan jatuh lagi disebabkan masih lagi dalam proses kejatuhan.

BERSAMBUNG SIRI 21

DR. NURADLI RIDZWAN SHAH MOHD DALI ialah Profesor Madya, Fakulti Ekonomi dan Muamalat serta Felo Penyelidik, Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI) Universiti Sains Islam Malaysia